

OPERATIONS REVIEW
KAJIAN OPERASI

The F&N Group's commitment to good corporate citizenship was maintained throughout the period under review.

Contributions were made to numerous worthy charitable, educational, youth development, cultural and sporting causes.

Social Welfare

Visits were made by F&N staff and donations given to needy senior citizens, under-privileged children and other less fortunate members of society.

In recognition of the contributions of the elderly, F&N Group staff and management visited Rumah Sri Kenangan Cheng, a home for 145 residents of all races.

An outing was arranged for 45 orphans from Rumah Ozanam and Rumah Cahaya Tengku Ampuan Rahimah. The children, aged between 5 - 15 years, were taken by F&N representatives on visits to the National Monument, the Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Memorial and the Kuala Lumpur Bird Park to provide entertainment and also to instil the Merdeka spirit in the young Malaysians.

COMMUNITY INVOLVEMENT **KEGIATAN KEMASYARAKATAN**

Kumpulan F&N terus memberikan komitmen untuk menjadi warga korporat yang baik sepanjang tempoh yang dilaporkan.

Sumbangan telah dibuat untuk pelbagai tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan belia, kebudayaan dan sukan.

Kebajikan Sosial

Kakitangan F&N telah membuat kunjungan dan menyampaikan sumbangan kepada warga tua yang memerlukan, kanak-kanak yang daif dan anggota masyarakat lain yang kurang berasib baik.

Sebagai mengiktiraf sumbangan yang telah diberikan oleh warga tua, kakitangan dan pengurusan Kumpulan F&N telah mengunjungi Rumah Sri Kenangan Cheng, sebuah pusat bagi 145 warga tua dari pelbagai kaum.

Satu lawatan juga telah diatur bagi seramai 45 anak-anak yatim dari Rumah Ozanam dan Rumah Cahaya Tengku Ampuan Rahimah. Kanak-kanak yang berusia antara 5 - 15 tahun itu telah dibawa oleh wakil-wakil F&N melawat Tugu Negara, Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Taman Burung Kuala Lumpur untuk menghiburkan mereka dan memupuk semangat Merdeka di kalangan remaja Malaysia.

OPERATIONS REVIEW Community Involvement
KAJIAN OPERASI Penglibatan Kemasyarakatan



Outing with the orphan to the National Monument.

Lawatan ke Tugu Negara bersama anak-anak yatim.

F&N pledged RM10,000 towards the Malaysian AIDS Foundation.

F&N menyumbang RM10,000 kepada Yayasan AIDS Malaysia.

AIDS Foundation Donation

A donation was made to the Malaysian AIDS Foundation's Paediatric AIDS Fund and Sibu Centenary Charity Drive in conjunction with the Sibu Coffee Shops and Restaurant Owners' Association to raise funds for the Association for Children with Special Needs.

21

Road Safety

The soft drinks division undertook the sponsorship of road safety vests for distribution to primary school children in the State of Perlis.

The glass division was also involved in promoting road safety when it arranged a talk to employees and contractors on defensive driving, as well as why and how traffic offences occur.

Youth and Sport

Recognising the importance of the need to promote national youth and sports development in the country, the F&N Group was involved last year in the sponsorship of several major sporting projects including the 2002 SUKMA Games held in Sabah.

Sumbangan kepada Yayasan AIDS

Satu sumbangan telah dibuat kepada Dana Pediatrik Aids, Yayasan Aids Malaysia dan Usaha Kebajikan Seratus Tahun Sibu bersama Persatuan Pemilik Kedai Kopi dan Restoran Sibu, bagi mengutip derma untuk Persatuan Kanak-Kanak Dengan Keperluan Istimewa.

Keselamatan Jalan Raya

Bahagian minuman ringan F&N telah menaja jaket keselamatan jalan raya untuk diedarkan kepada kanak-kanak sekolah rendah di Negeri Perlis.

Bahagian kaca juga telah terlibat dalam promosi keselamatan jalan raya, apabila menganjurkan ceramah kepada kakitangan dan kontraktor mengenai pemanduan berhemat, dan juga bagaimana dan mengapa kesalahan jalan raya berlaku.

Belia dan Sukan

Menyedari betapa pentingnya usaha menggalakkan pembangunan belia dan sukan di negara ini, Kumpulan F&N telah menaja beberapa acara sukan utama tahun lalu, termasuk Sukan Malaysia 2002 yang diadakan di Sabah.

OPERATIONS REVIEW Community Involvement
KAJIAN OPERASI Penglibatan Kemasyarakatan

Another important event sponsored by the Group was the **F&N Tunas Bolasepak** program. This youth soccer development project aims to promote football at grassroots and was jointly undertaken by the soft drinks and dairies divisions.

The three-year project was initiated in January 2001 and organised in association with the Football Association of Malaysia, Majlis Sekolah-Sekolah Malaysia and Majlis Sukan Negara Malaysia.

In 2002 alone, the **F&N Tunas Bolasepak** program was implemented in 585 schools throughout Malaysia, benefiting some 17,500 students. The program objective is to extend its coverage throughout the country to almost 700 schools with a total of more than 20,000 students by the end of 2003.

Other major events sponsored by F&N last year included:

- **The Starwalk** – a 10km walk held at the Esplanade in Penang on 4 November 2001; more than 12,000 participants; **100PLUS** was the official drink for this annual event.
- **Coca-Cola Cup** – an under 17 age group football competition sponsored by **Coca-Cola** and jointly organised by the Football Association of Malaysia, and the National Schools Sports Council. It was held in Penang from 23 - 30 July 2002.
- **100PLUS World Sports Climbing Championship** – this wall climbing competition was held at the Malawati Stadium in Shah Alam in November 2001. Frenchman Alexandre Chabot won the Men's Cup while Muriel Sarkany from Belgium won the Women's Cup. **100PLUS** was the title sponsor for this prestigious event which attracted climbers from more than 30 countries. This is the first time this event was staged in Malaysia.

22

Satu lagi acara penting yang ditaja oleh Kumpulan ialah Program **Tunas Bolasepak F&N**. Projek pembangunan bola sepak belia ini bertujuan menggalakkan permainan bola sepak di peringkat akar umbi dan telah dianjurkan bersama oleh bahagian minuman ringan dan produk tenuku.

Projek selama tiga tahun tersebut telah dimulakan pada Januari 2001 dan dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia, Majlis Sekolah-Sekolah Malaysia dan Majlis Sukan Negara Malaysia.

Pada tahun 2002 sahaja, program **Tunas Bolasepak F&N** telah dilaksanakan di 585 buah sekolah di seluruh Malaysia, yang memberi manfaat kepada 17,500 pelajar. Objektif program ini adalah untuk memperluaskan liputannya kepada hampir 700 sekolah yang mempunyai sejumlah lebih 20,000 pelajar menjelang 2003.

Acara-acara penting lain yang ditaja oleh F&N tahun lepas termasuk:

- **The Starwalk** – acara lumba jalan kaki 10km yang diadakan di Esplanade Pulau Pinang pada 4 November 2001, yang disertai oleh lebih 12,000 peserta; **100PLUS** merupakan penaja rasmi bagi acara tahunan ini.
- **Piala Coca-Cola** – pertandingan bola sepak peringkat usia bawah 17 tahun yang ditaja oleh **Coca-Cola** dan dianjurkan bersama oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Ia diadakan di Pulau Pinang dari 23 - 30 Julai, 2002.
- **Kejohanan Sukan Memanjat Dunia 100PLUS** – acara memanjat dinding ini telah diadakan di Stadium Malawati di Shah Alam pada November 2001. Peserta Perancis Alexandre Chabot telah memenangi Piala Lelaki manakala Muriel Sarkany dari Belgium telah memenangi Piala Wanita. **100PLUS** adalah penaja nama bagi acara berprestij ini, yang telah menarik penyertaan dari lebih 30 negara. Ini merupakan kali pertama acara ini dianjurkan di Malaysia.

Harmoni dan Tolak-ansur

Bagi memupuk semangat Muhibbah yang sebenar demi menggalakkan sikap tolak-ansur antara agama dan menjalin keharmonian di kalangan kakitangan, Jawatankuasa Kebajikan Islam MGP telah mengadakan sambutan untuk merayakan Maulidur Rasul. Semua kakitangan telah mengambil bahagian dalam acara yang diadakan termasuk bacaan Quran dan ceramah tentang amalan Islam yang baik, yang mempunyai aplikasi universal.

OPERATIONS REVIEW Community Involvement
KAJIAN OPERASI Penglibatan Kemasyarakatan



F&N Tunas Bolasepak.

Tunas Bolasepak F&N.

The Starwalk.

The Starwalk.

100PLUS World Sports Climbing Championship.

Kejohanan Sukan Memanjat Dunia 100PLUS.

Harmony and Tolerance

In keeping with the true spirit of Muhibbah to promote the practice of religious tolerance and to encourage greater employee harmony, the Islamic Welfare Committee of MGP held a celebration to mark the birthday of Prophet Muhammad. All employees participated in events that included Quran readings and talks on good Islamic values which have universal application.

Industrial Relations

The Group maintained good relations with our employees' union representatives throughout the year. Our soft drinks division signed a three-year collective agreement with the Union of Beverage Industry Workers and welcomed a branch of the Beverage Industry Executive Union.

23

Environment

The Group continued to support environmental conservation programs and plant tours were organised by both our glass and soft drinks divisions for the education sector and non-governmental organisations on a regular basis. The numerous tours of our soft drinks and glass plants arranged for students and other groups gave them an insight on our Group's production facilities and recycling programs.

In line with the Government's policy to save water, the soft drinks division initiated a "Water Smart" project at its Shah Alam bottling plant. The introduction of automatic back-washing (water recycling) operations yielded savings of 509,000 litres of water per day.

Hubungan Perindustrian

Kumpulan telah mengekalkan hubungan yang baik dengan wakil kesatuan kakitangan sepanjang tahun. Bahagian minuman ringan kami telah menandatangani perjanjian kolektif selama tiga tahun dengan Kesatuan Pekerja Industri Minuman dan mengalu-alukan penubuhan cawangan Kesatuan Eksekutif Industri Minuman.

Alam Sekitar

Kumpulan terus menyokong program-program pemeliharaan alam sekitar. Beberapa lawatan ke kilang telah dianjurkan oleh bahagian kaca dan minuman ringan bagi sektor pendidikan dan organisasi bukan kerajaan dari semasa ke semasa. Lawatan-lawatan ke kilang minuman ringan dan kaca yang dianjurkan untuk para pelajar dan kumpulan lain telah memberikan mereka kefahaman lanjut tentang kemudahan pengeluaran dan program kitar semula Kumpulan.

Selaras dengan dasar kerajaan menjimatkan air, bahagian minuman ringan F&N telah memulakan projek "Penggunaan Air Bijak" di kilang pembotolan Shah Alam. Pelaksanaan operasi pencucian semula automatik (kitaran semula air) telah berjaya menjimatkan 509,000 liter air sehari.